

Pahang pastikan projek Bandar Aeroangkasa berjaya

[Asrol Awang](#)

am@hmetro.com.my



Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail

Kuantan: Kerajaan negeri Pahang akan memastikan segala syarat dan prosedur yang ditetapkan Kerajaan Persekutuan dipatuhi dalam usaha merealisasikan projek pembangunan Bandar Aeroangkasa.

Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, projek itu membabitkan komponen pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuantan dan projek bercampur.

Katanya, dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) sebelum ini, persetujuan dicapai supaya kajian komprehensif terhadap cadangan pembinaan Bandar Aeroangkasa Pahang dilaksana.

"Cadangan projek ini telah dibentangkan dan mendapat perakuan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-39 yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 21 Oktober 2021.

"Ia akan dibangunkan di atas tanah seluas 5,042 hektar di kawasan Gebeng, Kuantan secara usahasama di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dengan konsep pembangunan adalah *Build-Operate-Own* (BOO)," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurutnya, pembentukan syarikat tujuan khusus (SPV) iaitu Pahang Airport Berhad dicadangkan untuk mengurus pengoperasian lapangan terbang antarabangsa.

Wan Rosdy berkata, satu garis masa ditetapkan bagi jangkaan tempoh pembinaan dan operasi projek berimpak tinggi itu agar semua pemegang taruh dapat mengambil tindakan sewajarnya.

"Pembinaan Bandar Aeroangkasa Pahang ini turut mengambil kira faktor hub ekonomi lain kerana terletak di Kawasan Industri Gebeng dan berhampiran Pelabuhan Kuantan dan Laluan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) serta menjadi pintu masuk utama ke negeri Pantai Timur," katanya.

Menurutnya, kesungguhan kerajaan negeri menjayakan projek itu diterjemah menerusi pemeteraian memorandum perjanjian (MoA), Mac lalu antara Perbadanan Setiausaha Kerajaan selaku pemilik tanah, Pahang Corporation Sdn Bhd sebagai Pengurus dan Penasihat Projek serta Gading Group Berhad selaku Pemaju Utama.

"Dua memorandum persefahaman (MoU) pula ditandatangani antara pemaju utama dan rakan strategik pada 6 Julai lalu, malah pemaju utama sedang dalam proses penyediaan dokumen dan menjalankan kajian berkaitan bagi mematuhi syarat ditetapkan Kementerian Pengangkutan," katanya.

Beliau menjelaskan demikian sebagai mengulas soalan Ahli Parlimen Seremban Loke Siew Fook ketika persidangan Dewan Rakyat semalam.

Disiarkan pada: Ogos 4, 2022 @ 9:30pm